

24/07/2001

Rujuk SPR jika tidak puas hati

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan mereka yang tidak puas hati dengan senarai daftar pemilih dikeluarkan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) serta mendakwa wujudnya pengundi hantu, mengemukakan aduan sebelum mana-mana pilihan raya diadakan.

"Sepatutnya (mereka) buat aduan sebelum pemilihan, tetapi bila kalah baru nak buat, itu menunjukkan ada niat lain," katanya menjawab soalan tambahan Raja Datuk Ahmad Zainuddin Raja Omar (BN-Larut) di Dewan Rakyat, hari ini.

Raja Ahmad Zainuddin sebelum itu mengucapkan tahniah kepada Barisan Nasional (BN) kerana mengekalkan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Likas, Sabtu lalu.

(END)